

Headline	Peluang SSTMI, UniKL muncul juara Divisyen 1		
MediaTitle	Harian Metro(www.hmetro.com.my)		
Date	03 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Order Rank	17	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	MYR 500
Frequency	Daily	PR Value	MYR 1,500

Peluang SSTMI, UniKL muncul juara Divisyen 1

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8099312816&z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8099312816&z=1600249527)

Kuala Lumpur: Pemenang mutlak Divisyen Satu MHC MILO MSN Liga Hoki Malaysia hanya akan dapat diketahui Khamis ini selepas Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) menewaskan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 4-0 di Stadium Nasional Bukit Jalil. SSTMI akan bertemu UniKL Young Guns, Khamis ini dan mana-mana pasukan yang mencatat kemenangan bakal menjulang gelaran liga, namun jika kedua-duanya meraih keputusan seri, MBPJ akan meraikan kemenangan. MBPJ hanya memerlukan keputusan seri untuk mengesahkan kejuaraan liga, tetapi pemain SSTMI, Shahril Saabah menghancurkan harapan lawan apabila meledak gol pertama menerusi pukulan sudut penalti seawal minit keempat. SSTMI menambah gol kedua pada minit ke-30 menerusi sumbangan Mohamed Zulhamizan sekali gus menyaksikan SSTMI selesa dengan kelebihan dua gol selepas berakhir babak pertama. Memasuki babak kedua, Huzairy Zin menjadikan kedudukan 3-0 pada minit ke-43 dan Azwar Rahman meledak gol keempat, 10 minit selepas itu. Jurulatih SSTMI, Wan Roslan Wan Rahman berkata: "Kekalahan kepada MBI Anderson pada Jumaat lalu jelas menyedarkan pemain untuk beraksi lebih baik apabila bertemu MBPJ. "Kini kami tidak boleh lagi melakukan kesilapan pada perlawanan bertemu UniKL kerana pemenang akan dinobatkan sebagai juara," katanya. Artikel ini disiarkan pada : 2013/